

Persisi lebih tahu sebelum 23 MAR 1991 buat

keputusan

SUKAN ANUGERAH 2

SAYA ingin merujuk berita yang berjudul *Persisi calon tiga untuk Anugerah Olahragawan 1990*

(BH 2 Mac 1991). *Pencan SILAT*

Saya harap saudara Isdenuur tidak keliru kerana mungkin Persisi lebih mengetahui untuk memilih seseorang untuk dicalonkan bagi anugerah negara.

Sebagaimana yang saudara rujukkan komen saudara dalam *Berita Minggu* bahawa Azman Amat dicalon kerana tanpa mengambil kira sikap beliau yang telah mengasari pegawai pertandingan Persisi di peringkat kebangsaan, dan saudara juga berasa hairan mengapa Badriah Hosni dan Hosni Ahmad dicalonkan juga kerana mereka turut menimbulkan keributan dalam satu pertandingan di peringkat kebangsaan.

Bagi saya, tidak hairanlah mengapa mereka ini di calonkan kerana di sini sudah terbukti bahawa mereka ini tidak salah, mungkin yang membuat mereka jadi begitu kerana para wasit/juri yang kurang senang melihat mereka ini yang selalu dapat kemenangan atau dengan sebab-sebab tertentu.

Saya fikir Persisi harus bersikap adil dan mulia, sudah terbuhtilah sekarang mengapa mereka dicalonkan untuk Anugerah Olahragawan 1990.

Mungkin Persisi lebih tahu dan lebih berhati-hati sebelum membuat keputusan ini. Kalau saudara kurang senang mengapa tidak berjumpa dengan orang yang berkenaan supaya beliau berpuas hati.

Azman Amat dan Badriah Hosni adalah pesilat yang harus kita contoh kerana permainan mereka cukup terbukti baik.

Hosni Ahmad pula terkenal sebagai jurulatih yang harus kita sanjungi atas jasanya yang tidak kenal penat lelah.

Saya harap saudara berpuas hati dengan penjelasan saya ini.

Edah (Srikandi)
Jurong East

Ruzaidi cekal jalani latihan

B. Haran (M)

JUARA silat dunia '90, Ruzaidi Abdul Rahman, tetap meneruskan latihan kecergasan secara persendirian sekalipun harapan untuk mempertahankan gelaran pada Sukan SEA Manila, November depan, kelihatan tipis. **26 MAR 1991**

"Saya masih meneruskan latihan secara persendirian sekalipun peluang beraksi di Manila agak samar-samar selepas ia digugurkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Sukan SEA Manila (Mansoc) di Beijing, tahun lalu.

"Begitupun, saya kecewa kerana silat sebagai asas seni bela diri Asia Tenggara, tidak dihormati oleh rumpun sendiri ketika masyarakat Barat mula menyanjung silat," katanya.

Menurutnya, dia kini berlatih sebagai langkah mengekalkan kecergasan fizikal dan kekuatan otot.

Dia tidak mahu bersikap negatif iaitu apabila menjelang



■ RUZAIDI... juara dunia

sesuatu kejuaraan, baru bergegas membuat persediaan.

Ruzaidi yang baru pulang dari Pulau Pinang selepas membuat penggambaran filem 'Kelisa' berkata, berlakon tidak menjejaskan kecergasannya.

Katanya, walaupun sibuk dengan penggambaran, dia sempat berjogging pada awal pagi atau petang jika tugas selesai lebih awal.

"Saya senang berlakon dalam filem itu kerana ia turut menonjolkan kehebatan silat. Jadi kaedah lakonan dalam filem ini sedikit sebanyak dapat membantu menambah pengalaman saya," kata anak muda dari Meru, Klang itu.

Ruzaidi berkata, jika benar silat tidak disenarai pada Sukan SEA nanti, dia akan melengkapkan diri lebih awal bagi menghadapi Kejuaraan Sedunia di Bangkok pertengahan tahun depan.